



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAH KORBAN

DI MASJID-MASJID NEGERI SELANGOR TAHUN 1442H / 2021M

Prinsip
Asas Syariat

Panduan
Pelaksanaan

Kawalan
Pelaksanaan



www.jais.gov.my



@JAISelangor



Jabatan Agama Islam Selangor



jabatan.agama.islam.selangor

#islamicsaviourobedience



Prinsip Teras Syariat

Masa Pelaksanaan

Pelaksanaan ibadah korban hanya boleh dilaksanakan selepas selesai Solat Sunat Eidul Adha pada **10 dan hari-hari tasyrik 11, 12 dan 13 Zulhijjah 1442H** sebelum berakhir waktu Asar.

Syarat Haiwan Korban

Haiwan yang cukup syarat umur, sihat, tidak terlalu kurus, tidak tempang dan bebas dari penyakit.

Wakalah Sembelihan Korban

Peserta boleh memberi wakalah (mewakilkan) pelaksanaan ibadah korban pada pihak masjid yang kemudiannya akan berurus dengan pusat sembelihan atau ladang penternak.

Agihan Daging Korban

Daging sembelihan korban sebaiknya diagihkan berdasarkan pecahan berikut:-

- Satu pertiga (1/3) untuk **peserta korban**.
- Satu pertiga (1/3) untuk **asnaf fakir dan miskin**
- Satu pertiga (1/3) untuk **sedekah**.

Tempoh Agihan

- Agihan Daging korban sebaiknya hendaklah diagihkan segera kepada para penerima dengan **tidak melebihi tempoh tiga (3) hari**.
- Terdapat banyak hadis yang menunjukkan **keharusan** menyimpan daging korban melebihi tiga (3) hari.





Panduan Pelaksanaan

Pematuhan Undang - Undang Dan Peraturan

Jawatankuasa masjid **tidak dibenarkan** untuk melaksanakan ibadah korban melainkan setelah mendapat kebenaran secara bertulis dari Pejabat Agama Islam Daerah dengan mengemukakan **Kertas Cadangan Pelaksanaan Ibadah Korban** yang mengandungi maklumat berikut:-

- ✓ Senarai petugas yang **menepati syarat kelayakan**.
- ✓ **Tarikh pelaksanaan** (perincikan jika melibatkan lebih dari satu hari pelaksanaan).
- ✓ **Anggaran jumlah dan jenis** haiwan korban akan disembelih.
- ✓ **Cadangan lokasi** tempat penyembelihan (rumah sembelihan, ladang atau dalam kawasan masjid).
- ✓ Cadangan susun atur khemah / meja berdasarkan Kawalan Semasa Pelaksanaan
- ✓ Kaedah pengedaran / pengagihan daging korban.
- ✓ Langkah-langkah keselamatan yang diambil bagi memastikan hanya petugas berada di kawasan masjid.





Panduan Pelaksanaan

Pematuhan Undang -Undang Dan Peraturan

Kemukakan surat kebenaran Pejabat Agama Islam Daerah ke Pengarah JAIS dan Ketua Polis Daerah.



Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Surat kebenaran dari Pejabat Agama Islam Daerah akan menjadi **syarat utama** Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk mengeluarkan kelulusan kepada pemohon atau penternak yang meliputi:-



- ✓ Sijil Kesihatan Veterinar;
- ✓ Akuan Pemindahan Ternakan; dan
- ✓ Permit Penyembelihan Luar



Pelaksanaan ibadah korban oleh bukan warganegara, korban persendirian, Badan Berkanun, Agensi Swasta, Institusi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan(NGO) adalah **tidak dibenarkan** melainkan dengan kerjasama masjid.





Panduan Pelaksanaan

Kaedah Pelaksanaan Ibadah Korban

Tempat Pelaksanaan Bilangan Haiwan Dan Petugas

Lokasi Sembelihan	Bilangan Haiwan (ekor)	Bilangan Petugas
Rumah Sembelih Veterinar atau Rumah Sembelih Swasta Berdaftar Jab. Veteriner	5 Lembu	Akan ditetapkan oleh Jab. Veteriner
Ladang / Kandang Pernak Yang Diluluskan Jab. Veterinar	5 Lembu 10 Kambing	Tidak melebihi 30 orang
Masjid	3 Lembu 10 Kambing	Tidak melebihi 20 orang





Panduan Pelaksanaan

Syarat Kelayakan Petugas

- ✓ Berumur dari 21 hingga 60 tahun dan berstatus warganegara;
- ✓ Bukan warganegara adalah tidak dibenarkan sama sekali;
- ✓ Sihat tubuh badan dan tidak mempunyai sakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis, sakit jantung, tidak bertongkat dan berkerusi roda;
- ✓ Tidak bergejala seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak;
- ✓ Tidak mempunyai kontak rapat dengan mereka yang positif Covid-19;
- ✓ Tidak positif Covid-19 dalam tempoh 3 bulan;
- ✓ Tidak berada dalam tempoh kuarantin yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- ✓ Mengutamakan pemilihan petugas yang telah menerima suntikan vaksin; dan
- ✓ Tidak mempunyai rekod bacaan suhu melebihi 37.4°C .





Panduan Pelaksanaan

Tanggungjawab Petugas



- ✓ Merekodkan kehadiran melalui Aplikasi My Sejahtera atau buku rekod kehadiran yang disediakan;
- ✓ Memakai pelitup mulut dan hidung (*face mask*);
- ✓ Memastikan penjarakan fizikal (*physical distancing*);
- ✓ Memakai peralatan kelengkapan diri yang cukup seperti apron dan sarung tangan; dan
- ✓ Menggunakan hand sanitizer yang disediakan secara berkala.





Panduan Pelaksanaan

Tanggungjawab Peserta Korban



- ✓ Tidak digalakkan mengambil keseluruhan 7 bahagian haiwan korban (lembu) bagi memberi peluang kepada peserta korban yang lain;
- ✓ Tidak boleh mengambil bahagian untuk akikah daripada tujuh (7) bahagian haiwan korban (boleh meminimumkan bahagian korban).
- ✓ Mengesahkan penyertaan, membuat bayaran, menyempurnakan akad wakalah bagi membeli dan menyembelih haiwan korban secara atas talian (*online*);
- ✓ Tidak dibenarkan berada di kawasan pengurusan korban melainkan peserta juga adalah pertugas yang dilantik; dan
- ✓ Mengambil bahagian daging korban peserta mengikut kaedah yang ditetapkan oleh jawatankuasa ibadah korban.





Panduan Pelaksanaan

KAEDAH PENGAGIHAN DAGING KORBAN



- ✓ Diedarkan terus ke rumah atau hadir ke masjid.
- ✓ Petugas edar terus ke rumah penerima.
- ✓ Penerima datang ke masjid pada waktu ditetapkan.
- ✓ Daging disimpan dalam bilik beku dan diedarkan pada waktu sesuai.



www.jais.gov.my



@JAI Selangor



Jabatan Agama Islam Selangor



jabatan.agama.islam.selangor

#islamicsaviourobedience



Kawalan

LOKALITI KESELAMATAN



- ✓ Penetapan akses pintu atau laluan keluar masuk serta zon parkir kendaraan.
- ✓ Lantik sukarelawan / pasukan uniform untuk kawal lokasi pelaksanaan korban.

Kawalan

SEMASA PELAKSANAAN



- ✓ Kekalkan pematuhan aspek penjarakan bagi setiap proses.
- ✓ Haiwan korban ditambat pada jarak 20-30 kaki
- ✓ Kedudukan khemah dijarkan antara 15-20 kaki
- ✓ Menjadualkan tarikh dan masa pelaksanaan sembelihan korban





MEMASAK DAGING KORBAN



- ✓ Jamuan petugas hendaklah disediakan oleh pihak ketiga (khidmat Caterar).



- ✓ Memasak sebahagian daging korban adalah dibenarkan dengan syarat ;

- * Jarak tempat memasak sekurang-kurangnya 20 meter dari tempat pengurusan korban.

- * Petugas tidak melebihi 5 orang.

- * Tidak dibenarkan makan dilokasi
(*Pack Food* dan dibawa pulang)





Kawalan Pelaksanaan

Kawalan Selepas Pelaksanaan

Membersihkan Tapak Ibadah Korban



- ✓ Memastikan keseluruhan tapak penyembelihan, melapah, mengagih dan tempat jamuan dibersihkan
- ✓ Sisa pepejal hendaklah dibungkus dan dilupuskan dengan cara bersesuaian berdasarkan peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- ✓ Sisa cecair seperti darah haiwan sembelihan hendaklah ditanam atau dilupuskan dengan cara yang bersesuaian.
- ✓ Memastikan semua peralatan yang digunakan dibersihkan, disusun dan disimpan di tempat yang selamat.



Tanggungjawab Petugas

- ✓ Membuang apron, sarung tangan, pelitup mulut dan hidung (*face mask*) yang digunakan.
- ✓ Membersihkan tangan dengan sabun dan mencuci muka dari sebarang kotoran.
- ✓ Meninggalkan segera tempat pengurusan penyembelihan korban sebaik selesai ibadah korban..





PEMATUHAN



Garis Panduan ini akan menjadi rujukan utama Pegawai dan Jawatankuasa Masjid,
dan pihak-pihak dalam pelaksanaan ibadah korban di
Negeri Selangor.

PELANGGARAN ENAKMEN ATAU AKTA



- Amaran keras oleh agensi-agensi pelaksana
- Tindakan undang-undang dibawah Seksyen 12 (a) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 1995
- Apa-Apa tindakan berdasarkan Enakmen atau Akta oleh agensi penguatkuasa

PENGUATKUASAAN

Garis panduan ini hanya tertakluk kepada
pelaksanaan ibadah korban pada tahun 1442H /
2021M sahaja.

